

28/07/1999

Perkongsian pintar asas kekuatan

LANGKAWI, Selasa - Dialog Antarabangsa Langkawi 99 (LID 99) berakhir hari ini dengan penuh kejayaan dan iltizam untuk memperkukuh kerjasama sebagai Rakan Kongsi Pintar dalam menghadapi cabaran alaf baru, yang akan dikuasai teknologi maklumat (IT).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mempengerusikan sesi terakhir dialog berkata, walaupun negara Selatan-Selatan kecil dan miskin, banyak yang boleh dicapai jika semua negara bekerjasama dan menjalin perkongsian pintar.

"Walaupun pendapatan perkapita kita sedikit dan negara kita kecil, apabila ianya dicampur, kita akan dapati kita mempunyai kekuatan yang agak besar.

"Bagaimana kekuatan ini hendak digunakan untuk manfaat bersama, bergantung kepada sejauh mana kita memahami konsep perkongsian pintar," katanya.

Perdana Menteri berkata, perkongsian pintar sudah mula berakar umbi sejak diperkenalkan dalam LID pertama pada 1995. Ia bukan ideologi atau agama baru, sebaliknya adalah satu idea, yang mana masanya sudah tiba.

Beliau turut memberi contoh bagaimana negara kecil boleh mempunyai suara yang berkesan jika bersatu padu, ketika mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Marakesh.

Ketika itu, banyak syarat dikenakan oleh negara maju dan kaya kepada negara lain sebelum boleh menyertai WTO dan menikmati kemudahan pertubuhan itu.

"Semua negara kecil membantah syarat itu dan walaupun mereka kecil serta miskin, tetapi kerana bersatu, mereka mampu menghentikan tindakan mengenakan syarat ini.

"Kita juga boleh melakukan seperti mereka sekiranya kita bekerjasama," tegasnya.

Pada sesi itu juga, Perdana Menteri meminta negara Selatan membuat persediaan mengenai era IT menjelang tahun 2000.

Dalam alaf baru, katanya, semua perkara akan dilakukan dengan cara berlainan, misalnya kerajaan secara elektronik (e-kerajaan) dan perdagangan elektronik (e-dagang).

Urus niaga dan perdagangan dilakukan dengan hanya menekan butang dan kerajaan diminta supaya tidak mengenakan sebarang peraturan terhadap kegiatan secara elektronik.

"Kerajaan juga akan bermasalah untuk memungut cukai kerana perdagangan merentasi sempadan tidak akan membabitkan pergerakan barangan, misalnya dari Malaysia ke Hong Kong, sebaliknya bekalan dihantar oleh pembekal terdekat selepas pesanan dibuat menerusi Internet," katanya.

Syarikat teknologi seperti Microsoft (satu daripada penaja LID), pula mempunyai pemodal yang melebihi aset negara membangun.

"Mana ada negara dalam dewan ini yang mempunyai wang sebanyak AS\$500 juta (RM1.9 bilion).

"Saya diberitahu Microsoft adalah 'negara' ke-11 terbesar di dunia. Saya tidak tahu apa yang hendak dilakukan oleh sahabat saya, Bill Gates, dengan wang sebanyak itu.

"Saya rasa berdosa memiliki wang yang terlalu banyak. Mungkin ia patut diguna untuk membantu negara miskin," katanya.

Dr Mahathir berkata, itu adalah antara cabaran yang mesti diketahui oleh negara Selatan bagi membolehkan mereka bersiap sedia, manakala banyak lagi

cabaran yang akan dihadapi kerana masih banyak tidak difahami mengenai era IT.

Pada sesi itu, peneraju ketiga-tiga sesi sejak semalam membuat laporan hasil dialog masing-masing.

Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, membentangkan Mesej Dari Langkawi yang menggariskan pentingnya penggunaan prinsip perkongsian pintar dalam usaha mewujudkan sistem kewangan antarabangsa yang relevan kepada semua negara.

Mesej itu mengandungi pengajaran daripada krisis dan sektor yang boleh menerima pakai prinsip itu.

Penasihat Sungei Way Group, Tan Sri Ramon Navaratnam, pula melaporkan sesi Mempercepat Pemulihan Menerusi Perkongsian Pintar.

Katanya, amalan perkongsian pintar pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa adalah prasyarat kepada pemulihan ekonomi.

(END)